

Rumah mampu milik agenda utama

➔ Kerajaan turut dijangka laksana usaha pastikan kekayaan negara dinikmati semua

MENJELANG
BAJET
2019



Oleh **Nabil Basaruddin**
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Kerajaan dijangka menjadikan rumah mampu milik sebagai agenda utama dalam Bajet 2019 memandangkan ia adalah antara isu utama yang mendapat perhatian rakyat.

Pensyarah Kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata isu rumah mampu milik adalah antara komponen utama yang perlu diselesaikan kerajaan supaya ia tidak lagi berlarutan.

Beliau berkata, permasalahan itu dapat diselesaikan sekiranya ia membabitkan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan daripada pihak pemaju, pemilik tanah terutama kerajaan negeri dan inisiatif daripada Kerajaan Persekutuan.

Justeru, katanya, Bajet 2019 sekali gus akan memperlihatkan apakah inisiatif lain yang akan diperkenalkan oleh kerajaan hasil daripada usaha menggabungkan semua agensi yang berkaitan perumahan negara di bawah Majlis

Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN).

“Rumah mampu milik dijangka menjadi fokus utama kerajaan memandangkan ia adalah isu yang berpanjangan sejak sekian lama.

“Jadi, pada Bajet 2019 ini juga kita berkemungkinan akan melihat kerajaan akan mengumumkan penyelesaian khusus hasil daripada inisiatif gabungan semua agensi berkaitan perumahan negara baru-baru ini,” katanya kepada *Bisnes NSTP*.

Jana pekerjaan baharu

Penubuhan MPMMN diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi menyelaras penguurusan perumahan mampu milik awam.

Selain itu, Ahmed Razman turut menjangkakan kerajaan juga akan melaksanakan usaha untuk memastikan kekayaan negara dapat dinikmati semua.

“Belanjawan kali ini kita yakin kerajaan akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

“Ini juga adalah sejajar dalam



Rumah mampu milik dijangka menjadi fokus utama kerajaan memandangkan ia adalah isu yang berpanjangan sejak sekian lama”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pensyarah Kanan Putra
Business School UPM

merealisasikan Bangsa Malaysia yang maju dalam segala segi,” katanya.

Tambahnya, terdapat juga kemungkinan projek pembangunan seluruh negara akan diteruskan kerana ia turut menyumbang dalam menjana pekerjaan baharu.

Insentif bantu M40

Sementara itu, Ahmed Razman turut mengulas bahawa bagi golongan M40, mekanisme bantuan tidak semestinya seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) tetapi lebih kepada meningkatkan pendapatan isi rumah.

“Ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti insentif atau pelepasan cukai individu serta melaksanakan kempen ubah gaya hidup seperti berbelanja mengikut keperluan,” katanya.

Tambahnya, meskipun tumpuan merapatkan jurang pendapatan penting, namun peruntukan pembangunan turut memberi kesan baik yang sama kepada rakyat.

“Jadi, pembangunan tetap perlu diteruskan kerana ia dapat membantu merancakkan ekonomi di sekitar pembangunan dilakukan, sekali gus mencapai objektif kerajaan,” katanya.